



Rujukan: UKM.PDF.100-1/3/1

Tarikh : 27 Mac 2020

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 13/2020

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Dato'Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

COVID-19: PINDAAN TARIKH SESI AKADEMIK 2019-2020, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan itu, selaras dengan arahan pihak Kerajaan berkaitan pelanjutan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 14 April 2020, pihak pengurusan tertinggi Universiti telah bersetuju meminda tarikh Sesi Akademik 2019-2020 bagi Semester 2 dan Semester 3. Sesuai dengan Pekeliling Naib Canselor Bil. 2/2020 bertarikh 27 Mac 2020 dan Kelulusan Khas Naib Canselor selaku Pengerusi Mesyuarat Senat bertarikh 26 Mac 2020 berikut adalah pindaan yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan:

SESI AKADEMIK 2019-2020 SEMESTER 2		
Sesi Pembelajaran	10 Feb - 17 Mac 2020	5 minggu
Cuti Peristiwa & Cuti Pertengahan Semester	18 Mac - 26 April 2020	6 minggu
Sesi Pembelajaran	27 April - 22 Mei 2020	4 minggu
Cuti Perayaan	23 Mei - 2 Jun 2020	1 minggu
Sesi Pembelajaran	3 Jun - 28 Jun 2020	4 minggu
Peperiksaan	29 Jun - 17 Julai 2020	3 minggu
Cuti Semester 2	18 Julai - 31 Ogos 2020	6 minggu

SESI AKADEMIK 2019-2020 SEMESTER 3		
Sesi Pembelajaran	20 Julai - 23 Ogos 2020	5 minggu
Peperiksaan	24 Ogos - 28 Ogos 2020	1 minggu



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



3. Pindaan Tarikh Sesi Akademik 2019-2020 ini adalah untuk **program Sepenuh Masa Prasiswazah (Kampus Induk Bangi, Fakulti Sains Kesihatan & Fakulti Farmasi)** dan **program Siswazah di Kampus Induk Bangi, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Farmasi dan Fakulti Perubatan (kecuali program Doktor Pakar)**.

4. Bagi **Fakulti Pergigian**, sesi pembelajaran untuk program Doktor Pergigian dan program Siswazah Pergigian akan bermula semula pada **20 April 2020**. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian akan dilaksanakan sekiranya keadaan tidak membenarkan untuk dilaksanakan secara bersemuka. Sesi klinikal akan dijadualkan apabila keadaan membenarkan. Perincian kalendar akademik akan dihebahkan oleh Fakulti Pergigian kepada pelajar.

5. Bagi **Fakulti Perubatan**, sesi pembelajaran akan bermula secara atas talian mulai **1 April 2020** untuk program Ijazah Doktor Perubatan Tahun 1 hingga 5 dan Sarjana Muda Kejururawatan. Untuk program Sarjana Muda Sains Perubatan Kecemasan, sesi pembelajaran akan bermula semula pada **15 April 2020**. Perincian kalendar akademik akan dihebahkan oleh Fakulti Perubatan kepada pelajar.

6. Bagi **UKM-Graduate School of Business**, sesi pembelajaran untuk program Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan program Kedoktoran akan bermula semula pada **27 April 2020**. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara atas talian akan dilaksanakan sekiranya keadaan tidak membenarkan untuk dilaksanakan secara bersemuka. Perincian kalendar akademik akan dihebahkan oleh UKM-GSB kepada pelajar.

7. Bagi program **Eksekutif & Program Berterusan Jarak Jauh (PBJJ), Pusat Kembangan Pendidikan**, sesi pembelajaran secara atas talian akan bermula pada **30 Mac 2020**. Perincian kalendar akademik akan dihebahkan oleh Pusat Kembangan Pendidikan kepada pelajar.

8. Sehubungan itu, pihak Universiti memohon kerjasama semua pihak bagi kelancaran segala urusan berkaitan perkara ini. Pihak Pusat Tanggungjawab (PTJ) boleh mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini kepada **Pn Rohana Tan, Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik** di talian **012-220 7557** atau e-mel: **tpkad@ukm.edu.my** dan **Pn Jumriah Nunurung, Penolong Pendaftar Kanan, Pusat Pengurusan Akademik** di talian **013-322 8858** atau e-mel: **jumriah@ukm.edu.my**.

Bagi pihak pengurusan Universiti, kami mendoakan semua warga akan sentiasa diberi ketabahan dan kekuatan untuk menempuhi waktu sukar ini. Kita akan bersama melaluinya dengan penuh sabar. Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Dato'Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Yang benar,



DR. HJH. INA MD YASIN
Pendaftar



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities



www.ukm.my

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Bendahari
 - Penasihat Undang-Undang
 - Ketua Pustakawan
 - Pengarah, Pusat Pengajaran & Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Ketua, Pusat Kesihatan Universiti
 - Merangkap Setiausaha Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Penyakit Berjangkit
 - Timbalan Pendaftar, Pusat Pengurusan Akademik



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my